

# MAJLIS PERASMIAN MINI KARNIVAL MINDEF & ATM SEMPENA MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM) AIDILFITRI 2017

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2091-majlis-perasmian-mini-karnival-mindef-atm-sempena-majlis-rumah-terbuka-malaysia-mrtm-aidilfitri-2017](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2091-majlis-perasmian-mini-karnival-mindef-atm-sempena-majlis-rumah-terbuka-malaysia-mrtm-aidilfitri-2017)

SEMBRONG, 15 Jul 17 - Majlis Perasmian Mini Karnival MinDef & ATM sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM ) Aidilfitri 2017 telah disempurnakan oleh YAB Dato Seri Hishammuddin bin Tun Hussein Onn, Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Tugas2 Khas di Jabatan Perdana Menteri. Acara dimulakan dengan persembahan Drumline TUDM yang segak berpakaian loreng TUDM. Program diteruskan lagi dengan lawatan ke Perkampungan Survival dan Klinik Bergerak ATM. Beliau seterusnya dibawa melawat ke Pertunjukan Statik Pesawat EC 725 AP. Beliau dan Panglima-panglima Perkhidmatan juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama orang ramai. Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah hadir sama ke majlis ini

